

# Peruntukan RM2 juta hadapi musim banjir

» *JPS laku kerja baik pulih sistem saliran utama, dijangka siap Disember*

Oleh Betty Subaryati  
bhkb@bh.com.my

► Kota Bharu

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan menerima peruntukan tambahan lebih RM2 juta daripada Kerajaan Persekutuan dan negeri sebagai persediaan untuk menghadapi banjir tahun ini.

Pengarah JPS negeri, Shahimi Sharif, berkata peruntukan itu dibelanjakan untuk melaksanakan kerja membuang sampah yang menghalang aliran air sungai utama di ne-

geri ini, yang menyebabkan air melimpah ke tebing ketika fenomena air pasang.

Beliau berkata, JPS Kelantan turut mendalamkan beberapa sungai utama yang dikenal pasti cetek sehingga memberi masalah kepada nelayan bot nelayan, termasuk di Sungai Kelantan di bandar ini.

## Baik pulih sistem saliran

"JPS sejak awal lagi melakukan kerja membaik pulih sistem saliran utama dan program berkenaan sehingga kini masih berjalan yang dijangka siap sepenuhnya awal Disember ini.

"Sebagai contoh, kerja terkini yang sedang dilaksanakan ialah melakukan pembersihan serpihan dan potongan sisa kayu balak yang tersangkut di Jambatan Kampung Pemberian di Kuala Krai.

"Jika kerja pembersihan sisa kayu balak yang dibawa banjir tahun lalu tidak dilakukan,

akan memberi masalah baharu.

"Bila air pasang tinggi serentak dengan hujan lebat yang dijadualkan berlaku penghujung bulan ini, air sungai tidak dapat mengalir ke laut dan boleh melimpah ke tebing sehingga menyebabkan banjir," katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

## Baiki peralatan

Shahimi berkata, kerja persediaan menghadapi banjir itu turut membaiki semua peralatan, termasuk mesin telemetrik JPS yang akan digunakan untuk menyukat data hujan, aras air sungai dan siren amaran banjir yang antaranya mengalami kerosakan.

Katanya, bagi penduduk yang mempunyai kemudahan internet, maklumat mengenai banjir itu boleh diperoleh dengan melayari laman sesawang 'publicinfobanjir,'" katanya.



“  
**JPS sejak awal lagi melakukan kerja membaik pulih sistem saliran utama dan program itu sehingga kini masih berjalan yang dijangka siap sepenuhnya awal Disember ini”**

**Shahimi Sharif,**  
Pengarah JPS Kelantan